



UNTUK SIARAN SEGERA

AirAsia X penerbangan terus ke Jeju dari Kuala Lumpur!

Tambang promosi bermula dari RM199 sehala untuk menikmati keindahan gunung, lautan, makanan dan banyak lagi dari Jeju

KUALA LUMPUR, 9 Oktober 2017 – AirAsia X mengumumkan Jeju, Korea Selatan sebagai destinasi terbaharu hari ini, bagi penerbangan terus 4 kali seminggu dari Kuala Lumpur ke pulau indah Jeju **dengan tambang promosi dari RM199 sehala.**

Promosi istimewa tambang termasuk semua dari **RM199 bagi tempat duduk ekonomi dan RM899 sehala bagi tempat duduk Premium Flatbed ini** akan bermula dari **10 sehingga 15 October 2017 bagi tempoh perjalanan dari 12 Disember 2017 sehingga 25 Mac 2018**, tersedia untuk tempahan di airasia.com.

AirAsia X CEO, Benyamin Ismail berkata, "Kami amat bangga menjadi satu-satunya syarikat penerbangan yang mengendalikan penerbangan terus ke Jeju, Korea Selatan dari Kuala Lumpur, menghubungkan pulau indah tersebut dengan Malaysia dan seluruh Asia melalui hub LCC Asia. Korea Selatan adalah pasaran yang penting dan kami telah mencatat pertumbuhan luar biasa dari laluan sedia ada kami ke Seoul dan Busan yang kini akan dilengkapi dengan perkhidmatan baharu kami ke Jeju, memudahkan transit domestik ke wilayah pulau ini buat tetamu kami. Laluan baharu ini akan menyediakan lebih daripada 150,000 kapasiti tambahan setiap tahun dan ia merupakan rangsangan dalam memperkukuh hubungan perniagaan dan pelancongan antara Malaysia dan Korea Selatan. Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan dan pihak berkuasa yang berkenaan atas sokongan padu yang telah diberikan dalam pelancaran laluan ini."

Ketua Pengarah Biro Pelancongan, Jeju Special Self- Governing Province, En. Lee Seung Chan berkata, "Kami ingin mengucapkan tahniah kepada AirAsia X diatas pelancaran laluan eksklusif ini yang menghubungkan Malaysia dengan Pulau Jeju. Pulau Jeju adalah destinasi yang amat istimewa dengan tarikan sepanjang tahun yang sesuai untuk semua jenis pelancong, sama ada pengembara solo atau kumpulan, keluarga atau berbulan madu. Kami yakin bahawa laluan terus ini akan meningkatkan kemasukan pelancong ke Jeju untuk menarik pelancong bukan sahaja dari Malaysia, bahkan dari negara lain yang kini boleh terbang ke Jeju dengan mudah melalui Kuala Lumpur."

Para tetamu kini boleh menggunakan pilihan penerbangan sambungan (Fly-Thru) AirAsia untuk perhubungan lancar ke Jeju dari bandar-bandar lain di dalam rangkaian penerbangan AirAsia dan AirAsia X dengan hanya satu hentian tambahan, atau menggunakan pilihan pelbagai bandar untuk meneroka Jeju bersama Busan atau Seoul sebelum terbang semula ke Kuala Lumpur.

Pulau Jeju, juga dikenali sebagai destinasi pilihan bagi penggambaran drama bersiri Korea adalah sebuah pulau gunung berapi yang indah yang terletak 64 kilometer di selatan Semenanjung Korea. Ia adalah pulau percutian yang paling popular di negara ini, dengan lebih daripada 70% pengunjung menjadi pelancong domestik ke Pulau yang telah dikenali sebagai "Hawaii Korea Selatan."

Jeju mempunyai Tapak Warisan Dunia UNESCO Pulau Vulkanik Jeju dan Tiub Lava yang termasuk Gunung Halla, gunung tertinggi di Korea Selatan dan gunung berapi tidak aktif, tiub lava Geomunoreum dan landskap dramatik kon batuan vulkanik Seongsan Ilchulbong. Antara tarikan lain termasuk Jeju Olle Trail yang indah, air terjun Cheonjiyeon yang menakjubkan, pantai Hyeopjae dan banyak muzium bertema khas, menjadikan Pulau Jeju sebagai destinasi untuk semua peringkat umur sepanjang tahun.



Untuk maklumat lanjut berkenaan promosi dan aktiviti terkini AirAsia, sila layari Twitter (twitter.com/AirAsia) dan Facebook (facebook.com/AirAsia).

****Tambang termasuk semua yang disebut adalah bagi penerbangan sehala sahaja dan termasuk cukai. Tertakluk kepada terma dan syarat.***

Jadual Penerbangan bagi Kuala Lumpur, Malaysia (KUL) ke Jeju, Korea Selatan (CJU)

No. Penerbangan	Dari	Ke	Perlepasan	Ketibaan	Jadual Penerbangan
D7 501	KUL	CJU	0530hrs	1230hrs	Isnin, Rabu
	KUL	CJU	0640hrs	1340hrs	Selasa, Sabtu
D7 502	CJU	KUL	1335hrs	1835hrs	Isnin, Rabu
	CJU	KUL	1440hrs	1940hrs	Selasa, Sabtu

Nota: Waktu ketibaan/berlepas adalah waktu tempatan di destinasi masing-masing.

TAMAT

Mengenai Kumpulan AirAsia X

AirAsia X adalah syarikat penerbangan tambang rendah jarak jauh bagi Kumpulan AirAsia yang kini terbang ke 24 destinasi di seluruh Asia, Australia, New Zealand, Timur Tengah dan Amerika. AirAsia X beroperasi dengan 30 pesawat A330-300s, setiap satu dengan 12 Premium Flatbeds dan 365 tempat duduk ekonomi. Syarikat penerbangan ini telah membawa lebih 27 juta tetamu sejak penubuhan perkhidmatan penerbangan jarak jauh yang telah dimulakan pada tahun 2007. AirAsia X telah diiktirafkan dengan anugerah "Kabin Premium Syarikat Penerbangan Tambang Rendah Terbaik Dunia" dan "Tempat Duduk Premium Syarikat Penerbangan Tambang Rendah Terbaik Dunia" di acara tahunan Anugerah Dunia Penerbangan Skytrax bagi lima tahun berturut-turut dari tahun 2013 – 2017.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Lutfil Hadi

Group Communications, AirAsia X

Mobile: +6012 977 3508

lutfilhadi@airasia.com